

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, August 30, 2017 3:52 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPENA HARI RAYA AIDILADHA 1438 HIJRAH



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



30 OGOS 2017 / 8 ZULHIJAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



PERUTUSAN NAIB CANSELOR SEMPENA HARI RAYA AIDILADHA 1438 HIJRAH

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

الله أكبر الله أكبر الله أكبر ولله الحمد

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah rahmat-Nya yang tidak terhitung, dapat kita meraikan satu daripada hari kebesaran Islam yang dikenali sebagai Hari Raya Korban.

Sempena hari yang mulia ini, umat Islam menyembelih binatang korban sebagai mengingati peristiwa yang berlaku kepada Nabi Allah Ibrahim Alaihissalam yang menjunjung perintah Allah Subhanahuwataala supaya mengorbankan anak baginda sendiri, Nabi Ismail Alaihissalam sebagai menyerlahkan rasa kehambaan kepada Allah yang Maha Berkuasa.

Peristiwa ini penuh dengan pengajaran dan hikmah antaranya ialah keikhlasan yang memainkan peranan penting dalam aspek kehidupan kita sama ada dalam aspek pekerjaan seharian, pergaulan dan sebagainya, sementelahan yang bersangkutan dengan ibadah. Sesungguhnya, ketahuilah bahawa setiap amalan manusia itu akan rosak binasa kecuali mereka yang benar-benar ikhlas beramal kerana Allah Subhanahuwataala sebagaimana firman-Nya dalam surah Al-Kautsar ayat 2, yang bermaksud:

"Maka kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban sebagai tanda bersyukur".

Malaksanakan ibadah korban merupakan tanda syukur kita atas nikmat-nikmat yang telah dikurniakan kepada kita agar segala nikmat itu dimanfaatkan di jalan yang diredai oleh Allah Subhanahuwataala. Dengan ibadah ini juga diharapkan dapat mengikis sikap bakhil, sombong dan mementingkan diri dengan berinfak (menyumbangkan bantuan) untuk membantu sesama saudara Islam, di samping memupuk masyarakat yang prihatin terhadap mereka yang kurang berkemampuan terutamanya golongan fakir dan miskin.

Akhir kata, saya dan keluarga mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada semua warga Universiti Utara Malaysia (UUM), dan marilah kita bersama-sama meraikan Aidiladha ini dengan mempereratkan silaturahim melalui sikap prihatin dan kerjasama bagi melahirkan masyarakat UUM yang bukan sahaja berjaya di dunia, malah memperoleh keredaan Allah di akhirat kelak.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak
Naib Canselor
Universiti Utara Malaysia

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.